

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]
TARIKH : 18 JUN 2014
RUJUKAN : 6904

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan seterusnya untuk Pekerja Asing Tanpa Izin yang diserapkan ('diputihkan') di bawah program 6P dan sekarang telah/akan tamat tempoh permit pekerjaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan Program Penyelesaian Menyeluruh (*Total Package Solution*) atau Program 6P secara 'one-off' pada tahun 2011. Program 6P merupakan satu agenda negara yang melibatkan semua peringkat di mana pendekatan yang komprehensif dan holistik digunakan bagi merealisasikan '*national agenda*' ini. Program 6P ini melibatkan enam (6) aktiviti atau proses iaitu Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran.

Matlamat utama pelaksanaan Program 6P adalah untuk mendapatkan rekod jumlah PATI di dalam negara. Maklumat ini boleh membantu Kerajaan untuk merangka program dan aktiviti bagi membanteras aktiviti pemerdagangan manusia serta jenayah rentas sempadan (*transnational crimes*). Program ini juga adalah selaras dengan hasrat Kerajaan dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Proses kedua di bawah Program 6P iaitu Proses Pemutihan PATI dilaksanakan bertujuan untuk memastikan PATI yang berdaftar semasa Proses Pendaftaran, Program 6P diputihkan dan dibenarkan bekerja secara sah di Malaysia bagi tempoh 3 tahun bagi sektor yang dibenarkan dan dua (2) tahun bagi sektor beku dan luar dasar.

Usaha ini adalah bagi memastikan PATI yang bekerja secara tidak sah selama ini diberikan status pekerja yang sah berdasarkan keperluan gunatenaga. Selain itu, ia bertujuan untuk memberi ruang kepada majikan merancang pelan penggajian pekerja mereka dan juga persediaan bagi PATI untuk pulang ke negara asal setelah tamat tempoh penggajian di bawah Program 6P dan Program Khas Pengurusan PATI (PKPP).

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk meneruskan tempoh penggajian pekerja asing yang diputihkan di bawah Program 6P dan juga PKPP. Sehubungan ini, majikan yang menggaji pekerja asing yang diputihkan melalui Program 6P dan PKPP adalah bertanggungjawab untuk menghantar pulang pekerja setelah tamat tempoh penggajian yang dibenarkan di bawah Program 6P dan PKPP.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN

TARIKH : 18 JUN 2014

SOALAN :

YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap keselamatan pantai-pantai Negara kita terutamanya persisiran pantai Sabah berikutan mudahnya kejadian penculikan demi penculikan berlaku di sana melibatkan warga asing.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Langkah-langkah yang telah diambil melalui ESSCOM dan agensi-agensinya penguatkuasaan, keselamatan dan pertahanan untuk memastikan tahap keselamatan di Pantai Timur Sabah berada di dalam keadaan yang terkawal adalah seperti berikut:

- i) Penambahan dan penggantian aset maritim kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;
- i) Pembahagian sektor rondaan pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;
- ii) Response team/komuniti *policing* mengikut sektor di antara PDRM, ATM dan APMM;
- iii) Peningkatan atur gerak trup dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;
- iv) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;

- v) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;
- vi) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;
- vii) Pewujudan 5 balai polis baru dan 3 balai polis yang sedia ada di naik taraf;
- viii) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;
- ix) *Engagement* dengan semua *stakeholders* di ESSZONE;
- x) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan
- xi) Melaksanakan pendaftaran awal "*Pump Boat*" bagi tujuan pengawalan.

2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS;

- ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah; dan
 - iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.
3. Adalah diyakini dengan langkah-langkah yang telah dan akan diambil di atas akan dapat mempertingkatkan lagi tahap keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah.

Sekian. Terima Kasih.